

Ekonomi lebih baik suku kedua 2024

Kuala Lumpur: Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik pada suku kedua 2024, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ini disokong oleh Indeks Pelopor (IP) yang pulih ke trajektori positif sebanyak 0.3 peratus untuk mencapai 110.1 mata pada Disember 2023 berbanding 109.8 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, ini merupakan pertumbuhan positif yang pertama selepas penurunan sembilan bulan berturut-turut, didorong oleh lonjakan dalam bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan (41.5 peratus) berbanding negatif 25.8 peratus pada November 2023.

"Melihat kepada prestasi bulanan, IP juga meningkat sebanyak 0.3 pe-

ratus, disumbangkan oleh Indeks Perusahaan Bursa Malaysia dan bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, kadar pertumbuhan IP terlicin bagi Disember 2023 kekal di bawah trend 100.0 mata.

"Meskipun masih berada di bawah trend, ekonomi Malaysia dijangka lebih baik dalam tempoh terdekat, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan keadaan pasaran pekerjaan yang stabil," katanya.

Sementara itu, menurutnya, kadar inflasi keseluruhan Malaysia kekal pada 1.5 peratus dalam Januari 2024 dengan mata Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatat 131.4 berbanding 129.5 bagi tempoh setahun sebelumnya.

Mohd Uzir Mahidin berkata ini disumbangkan oleh peningkatan perla-

han segmen restoran dan perkhidmatan penginapan (3.2 peratus); penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan dan perkhidmatan (2.5 peratus).

Faktor penyumbang lain adalah kesihatan (2.4 peratus); makanan dan minuman (2.0 peratus); perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (2.0 peratus).

"Bagaimanapun, kumpulan pengangkutan mencatat peningkatan inflasi yang rendah (0.7 peratus) berbanding Disember 2023 (0.3 peratus)," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, inflasi keseluruhan secara bulanan terus menunjukkan kenaikan 0.2 peratus dengan kumpulan yang mencatat peningkatan secara bulanan seperti perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (0.4 peratus); makanan dan minuman (0.3 peratus) dan kesihatan

(0.2 peratus).

Inflasi teras meningkat lebih perlahan kepada 1.8 peratus berbanding Disember 2023 yang mencatat 1.9 peratus dan masih melepasi inflasi keseluruhan (1.5 peratus).

"Ini didorong oleh kumpulan restoran dan perkhidmatan penginapan selain makanan dan minuman yang masing-masing mencatat 3.2 peratus dan 2.9 peratus pada Januari 2024."

Menurutnya, berbanding negara-negara terpilih lain, inflasi di Malaysia (1.5 peratus) adalah lebih rendah berbanding Amerika Syarikat (3.1 peratus), Filipina (2.8 peratus), Korea Selatan (2.8 peratus), Zon Eropah (2.8 peratus) dan Indonesia (2.6 peratus).

"Namun, kadar berke-naan lebih tinggi berbanding Thailand (-1.1 peratus) dan China (-0.8 peratus)," katanya.